

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH

TARIKH: 1 APRIL 2014

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah kerajaan bagi mengatasi masalah kesukaran untuk mendapatkan pembantu rumah warga asing khususnya Indonesia dan nyatakan langkah kerajaan bagi mengatasi masalah yang meruncing ini serta adakah Kerajaan menyegerakan pengambilan pembantu rumah warga Myanmar dan Thailand terutamanya yang beragama Islam.

PR-1321-L59588

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kemasukan pembantu rumah Indonesia secara saluran yang betul iaitu melalui aturan Protokol Pindaan 2011 dan dalam masa yang sama Kerajaan juga telah mendapatkan persetujuan Kerajaan Indonesia untuk memantapkan lagi proses

kemasukan pembantu rumah Indonesia dengan memendekkan bilangan hari yang terlibat dalam proses kemasukan tersebut. Bagi memastikan perjalanan proses ini berjalan dengan lancar Kementerian Sumber Manusia sedang mengkoordinasi sesi persefahaman diantara agensi pekerjaan Malaysia (Malaysian Recruitment Agency) dan agensi pekerjaan Indonesia (Indonesian Recruitment Agency).

Tuan Yang Dipertua,

2. Kementerian Sumber Manusia juga sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Cambodia bagi memulakan rundingan untuk membawa masuk pembantu rumah dari Cambodia. Kerajaan Cambodia buat masa ini sedang meneliti cadangan draf MoU yang telah dikemukakan.

3. Kerajaan dalam pada itu juga, turut menggalakkan agar majikan-majikan yang berkemampuan di Malaysia untuk beralih ke negara-negara sumber lain yang menawarkan pembantu rumah berkualiti seperti Filipina dan Sri Lanka, namun majikan di Malaysia lebih memilih calon-calon daripada negara Indonesia disebabkan kebolehan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan adat budaya yang hampir sama dengan orang tempatan.

4. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, Dasar Kerajaan Myanmar adalah tidak membenarkan kaum wanita mereka untuk bekerja di luar negara. Oleh yang demikian, atas dasar tersebut

Kerajaan tidak mengadakan sebarang rundingan secara rasmi dengan Kerajaan Myanmar mengenai pengambilan pembantu rumah Myanmar untuk bekerja di Malaysia dan Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengambil pembantu rumah Islam dari Thailand kerana polisi Kerajaan Thailand yang cenderung rakyatnya melibatkan diri dalam pekerjaan sektor formal.